

**PKR Dan DAP Mungkin Bertembung Di DUN Indera Kayangan
Bernama
18 April, 2013**

KANGAR, 18 April (Bernama) -- Calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan DAP berkemungkinan bertembung sesama mereka di kerusi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Indera Kayangan apabila kedua-dua parti telah menamakan calon bagi bertanding kerusi itu..

Ini kerana PKR telah menamakan bekas Anggota Dewan Undangan Negeri Simpang Pulai, Chan Ming Kai, 33, untuk bertanding di situ manakala DAP sebelum ini turut menamakan calon mereka Wong Boon Beng, 48, yang juga Setiausaha DAP Perlis.

Pengerusi PKR Perlis, Mohd Faisal Abdul Rahman berkata PKR Pusat telah memutuskan untuk meletakkan calon mereka di DUN tersebut. Bagaimanapun beliau tidak pasti sama ada DAP akan menarik balik calon mereka bagi kerusi DUN itu.

Pengerusi DAP Perlis, Teh Seng Chuan ketika dihubungi berkata pihaknya akan menunggu pucuk pimpinan pakatan pembangkang untuk membuat keputusan berhubung isu itu.

"Saya tidak boleh menyatakan apa-apa kecuali perkara itu diputuskan oleh pihak pusat," katanya yang juga calon DAP bagi DUN Titi Tinggi.

Calon Barisan Nasional bagi DUN Indera Kayangan ialah Pengerusi Perhubungan MCA Perlis, Dr Por Choo Chor.

Calon lain PKR bagi kerusi DUN yang diumumkan ialah Ketua Angkatan Muda Keadilan Perlis, Amar Ghazali (Mata Ayer), Wan Mohd Fishaal Wan Daud (Chuping), Noor Amin Ahmad (Kuala Perlis), Azhar Ameir (Tambun Tulang) dan Tuan Marja Tuan Mat (Sena).

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943219>